


Risau ayam mahal

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD
ashriq.ahmad@utusan.com



ISU kenaikan harga ayam khususnya setiap kali musim perayaan bukan perkara baru.

Boleh dikatakan saban tahun isu tersebut akan kedengaran apabila tiba musim perayaan dan terbaharu pada sambutan perayaan Aidilfitri lalu.

Rata-rata penternak memberikan alasan ternakan mereka dijangkiti penyakit selain permintaan yang tinggi menyebabkan kekurangan bekalan ayam.

Bagaimanapun, segala alasan yang diberikan kelihatan tidak munasabah selain sememangnya terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada kenaikan harga ayam namun tidak sehingga mencecah dua angka.

Menurut pensyarah kanan, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Azhar Kassim, pada amnya harga ayam daging tidak menunjukkan kenaikan yang ketara sejak sekian lama berbanding komoditi daging

lain.

Jelasnya, harga ayam daging adalah stabil pada paras sama sejak lima tahun kebelakangan.

"Antara sebabnya adalah kapasiti produksi yang tinggi, iaitu kadar sembelihan mencecah dua juta ekor sehari.

"Selain itu, permintaan yang tinggi dalam kalangan rakyat negara ini, sistem pengurusan yang cekap, integrasi dan penggunaan penstabil harga yang pelbagai," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar mengenai kenaikan harga ayam dari sudut pandangan pakar akademik di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Yang turut hadir, Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi dan Pengarah Institut Biosains UPM, Prof. Dr. Abdul Rahman Omar.

Kata Abdul Rahman lagi, Malaysia merupakan antara negara pengeluar daging ayam tertinggi di dunia dengan pengeluaran anak ayam untuk dibesarkan melebihi 13 juta setiap minggu, manakala proses penyembelihan antara 1.9 hingga dua juta ekor ayam setiap hari.

"Jadi, dakwaan mengatakan bekalan daging ayam tidak mencukupi adalah tidak



benar kerana syarikat-syarikat penternakan juga mempunyai stok tambahan yang disimpan dalam bentuk sejuk beku sekiranya permintaan melebihi dua juta ekor setiap hari," katanya.

Tambah Azhar, sudah sampai masa kerajaan mewujudkan satu mekanisme baharu untuk mengawal harga ayam sepanjang tahun bagi

mengelakkan peningkatan harga ayam yang keterlaluan.

Katanya, negara mungkin boleh mengambil contoh yang dilakukan di Ontario, Kanada, di mana mereka telah menuju Suruhanjaya Pemasaran Produk Ladang Ontario (OFPMC).

OFPMC bertindak sebagai sebuah badan yang mengawal harga produk dari ladang termasuk daging ayam supaya tidak ada lagi pihak memanipulasi harga dengan sewenang-wenangnya.

"UPM juga sedia menawarkan kepakaran kepada kerajaan bagi melaksanakan mekanisme baharu ini supaya pengguna tidak lagi terbeban dengan kenaikan harga ayam lebih-lebih lagi ketika musim perayaan," katanya.

Azhar berkata, alasan bahawa kadar permintaan yang tinggi ketika musim perayaan menyebabkan harga meningkat juga tidak logik.

Ini kerana penternak sudah boleh menganggarkan bilangan ayam yang diperlukan ketika musim perayaan dan mula meningkatkan kadar ternakan.

"Perubahan permintaan daripada *whole bird* kepada *special cuts* atau produk-produk tambah nilai dapat mengimbangi sumber pendapatan pemain-pemain utama industri tersebut," katanya.



AZHAR KASIM (kiri) bersama Abdul Shukor Juraimi (tengah) dan Abdul Rahman Omar menerangkan mengenai mekanisme yang boleh mengekang kenaikan harga ayam pada musim perayaan pada sidang media di Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor, baru-baru ini.